

UNIT 3: MANUSIA

Kertas 1

Arahan: Setiap soalan diikuti oleh empat jawapan pilihan, A, B, C dan D.
Pilih jawapan yang betul.

Struktur Gigi

1. Rajah di bawah menunjukkan struktur gigi.



Apakah bahagian yang berlabel X? SP3.1.2

- A Enamel
- B Dentin
- C Gusi
- D Salur darah

Gigi Susu dan Gigi Kekal

2. Berapakah bilangan gigi pada set gigi susu? SP3.1.3


- A 4 batang
- B 8 batang
- C 16 batang
- D 20 batang

Kelas Makanan

3. Apakah contoh kelas makanan bagi protein? SP3.2.1

- A Nasi
- B Betik
- C Daging goreng
- D Sup sayur

4. Rajah di bawah menunjukkan sekumpulan makanan.



Apakah kelas makanan itu? SP3.2.1

- A Karbohidrat
- B Protein
- C Lemak
- D Vitamin

Proses Pencernaan

5. Makanan yang memasuki mulut akan dihancurkan oleh _____ dan air liur. SP3.3.1

- A gusi
- B perut
- C gigi
- D usus

Kertas 2

Arahan: Tulis jawapan kamu dalam ruangan yang disediakan.

Gigi Susu dan Gigi Kekal

Rajah di bawah menunjukkan struktur gigi manusia.



(a) Apakah jenis gigi yang digunakan untuk mengoyakkan makanan? SP3.1.1

TP2

[1 markah]

(b) Berapakah bilangan gigi dalam set gigi kekal?

[1 markah]

(c) Berapa lamakah jangka hayat bagi gigi susu?

Tandakan (✓) pada jawapan yang betul.

Pendek

Panjang

[1 markah]

(d) Apakah tabiat yang boleh merosakkan gigi selepas makan?

[1 markah]



FOKUS KBAT – APLIKASI HARIAN

Konstruk kognitif: Menganalisis, Menilai
Konteks: Jenis Gigi dan Fungsinya, Gigi Susu dan Gigi Kekal, Penjagaan Kesihatan Gigi

Rajah di bawah menunjukkan dua jenis gigi manusia.



Gigi P



Gigi Q

(a) Gigi yang manakah berfungsi untuk memotong makanan? SP3.1.1

TP2

[1 markah]

(b) Nyatakan fungsi gigi geraham. SP3.1.1

TP2

KBAT Menganalisis

[1 markah]

(c) Maklumat yang berikut menerangkan tentang suatu set gigi.

TP1

- Bilangan set gigi ini ialah 20 batang
- Saiz gigi ini adalah kecil
- Gigi kurang kuat
- Jangka hayat yang pendek

Set gigi yang manakah dimaksudkan dalam pernyataan itu? SP3.1.1

Tandakan (✓) pada jawapan yang betul.

Set gigi kekal

Set gigi susu

[1 markah]

(d) Berikan dua contoh makanan yang tidak baik untuk kesihatan gigi.

KBAT Menilai

[2 markah]